

GTP, ETP amal prinsip ketelusan

Utusan Online

21 Mac, 2013

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD

KUALA LUMPUR 20 Mac - Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkan perancangan dan pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) sebagai eksperimen paling berani kerajaan dalam mengamalkan prinsip ketelusan dan kebertanggungjawaban terhadap rakyat.

Menurut Perdana Menteri, GTP dan ETP yang masing-masing diperkenalkan pada 2010 dan 2011 itu juga membuktikan iltizam kerajaan untuk terus membangunkan negara.

Inisiatif itu juga, kata beliau, merupakan usaha memastikan Malaysia mencapai matlamat sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

"Alhamdulillah, dalam laporan tahunan GTP dan ETP yang saya bentangkan semalam, banyak kejayaan yang telah kita kecap. Kejayaan demi kejayaan itu adalah hasil kerja keras semua pihak, daripada rakyat hinggalah pihak swasta dan penjawat awam.

"Kesannya, taraf dan kualiti hidup rakyat menjadi semakin baik, ekonomi negara menjadi semakin berkembang manakala kewangan negara terus kukuh hari demi hari," katanya menerusi blognya di www.1malaysia.com hari ini.

Najib berkata, melalui GTP dan ETP itu rakyat boleh menilai prestasi kerajaan menerusi laporan tahunan dan berkala yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

Kecemerlangan prestasi negara itu, jelas beliau, boleh disaksikan daripada peningkatan pendapatan negara kasar (PNK) perkapita negara sebanyak 4,000 peratus iaitu daripada hanya AS\$257 (RM802) pada 1957 kepada AS\$9,970 (RM31,111) tahun lalu.

"Saya juga gembira kerana kadar kemiskinan negara berada pada kadar hanya 1.7 peratus pada 2012 berbanding 60 peratus di awal tempoh kemerdekaan sebelum ini. Kadar inflasi negara juga kekal berada pada paras 1.2 peratus iaitu yang terendah di rantau ini.

"Saya turut berbangga apabila inisiatif yang diperkenalkan kerajaan juga telah berjaya mengeluarkan kira-kira 100,000 rakyat daripada belenggu kemiskinan," ujarnya.

Selain itu, menurut Najib, sebanyak 100,000 unit rumah mampu milik juga didirikan supaya setiap rakyat berkemampuan memiliki rumah sendiri.

Katanya, kerajaan juga menyediakan peruntukan sebanyak RM3.78 bilion untuk membiayai subsidi bagi mengurangkan beban perbelanjaan harian rakyat.

Menurut beliau, dengan kecemerlangan prestasi negara itu rakyat diharapkan dapat terus bersama-sama memberi sokongan kepada kerajaan supaya setiap apa yang dirancang demi masa depan negara tersebut dapat dilaksanakan.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Ekonomi/20130321/ek_01/GTP-ETP-amal-prinsip-ketelusan